



KERJASAMA: Sebahagian peserta Seminar Pemuafakatan Kementerian Pengajian Tinggi Bersama Kementerian Pelajaran di UPM, baru-baru ini.

Perkongsian bestari

Dua kementerian sepakat wujudkan Rangkaian Sekolah Kluster-Universiti

FOKUS

Oleh Khairina Yasin
kayrina@bharian.com.my

SEKOLAH dan universiti adalah dua entiti pendidikan berbeza yang menggariskan konsep, dasar dan hala tuju pendidikan masing-masing. Perbezaan landskap itu bagaimanapun tidak membawa perubahan kepada misi kedua-dua entiti yang sememangnya memfokuskan usaha memartabatkan negara sebagai pusat kecermerlangan pendidikan global.

Biarpun berada di bawah dua bumbung berbeza iaitu Kementerian Pelajaran dan Kementerian Pengajian Tinggi, hubungan sekolah dengan universiti kini dilihat semakin penting bagi mewujudkan kesinambungan berterusan.

Buktinya jelas apabila kedua-

dua kementerian kini menuju fasa baru dengan mengatur dan merancang kerjasama serta pemuafakatan bagi menjamin usaha penajaan modal insan bertaraf dunia.

Terbaru, penganjuran Seminar Pemuafakatan Kementerian Pengajian Tinggi Bersama Kementerian Pelajaran yang berlangsung di Universiti Putra Malaysia (UPM) baru-baru ini, sepakat mewujudkan Program Rangkaian Sekolah Kluster-Universiti.

Pemuafakatan peringkat awal itu membabitkan 60 sekolah kluster yang akan menjalin kerjasama akademik dengan 20 institusi pengajian tinggi awam (IPTA) seluruh negara.

Pengarah Bahagian Pengurusan Sekolah Berasrama Penuh dan Sekolah Kluster, Kementerian Pelajaran, Datin Dr Siti Zaleha Abdullah Sani, berkata program itu disifatkan titik permulaan pemuafakatan rasmi antara

Kementerian Pelajaran dan Kementerian Pengajian Tinggi.

Berkonsepkan mentor mentee, beliau berkata, program itu menetapkan fungsi IPTA sebagai mentor kepada sekolah kluster bagi memperkasa dan memantapkan bidang kebitaraan serta akses sekolah terbabit.

"Setiap sekolah akan dipadankan universiti masing-masing dengan nisbah satu sekolah untuk satu universiti bagi melaksanakan kerjasama dan program strategik masing-masing.

"Kerjasama itu membolehkan pihak sekolah menggunakan kemudahan pendidikan, pembangunan dan pengkomersialan, selain memanfaatkan perkhidmatan perpustakaan di universiti.

"Usaha ini juga termasuk memberi peluang pelajar sekolah membabitkan diri dalam pelbagai program akademik dan kemasyarakatan universiti," katanya kepada *Berita Harian*.



“Program itu menetapkan fungsi IPTA sebagai mentor kepada sekolah kluster bagi memperkasa dan memantapkan bidang kebitaraan serta akses sekolah terbabit”

Siti Zaleha Abdullah Sani,
Pengarah Bahagian Pengurusan Sekolah Berasrama Penuh dan Sekolah Kluster

Beliau berkata, rangkaian kerjasama itu juga dilihat sebagai persediaan awal berkaitan budaya, norma dan watak universiti didedahkan kepada pelajar, sekali gus mendorong mereka memasuki institusi pen-



gajian tinggi.

Katanya, kepentingan perkongsian bestari dalam konteks pendidikan itu bagaimanapun memerlukan rangkaian komunikasi kukuh antara sekolah dan universiti.

"Justeru, Kementerian Pelajaran menerusi Bahagian Pengurusan SBP dan Sekolah Kluster sudah memaklumkan kepada sekolah kluster terbabit untuk menjalin hubungan dan komunikasi kukuh dengan IPTA masing-masing.

"Pertemuan antara kedua-dua pihak akan menyusul selepas ini bagi membolehkan mereka memperincikan program serta perancangan, selain membolehkan universiti mengenal pasti setiap keperluan sekolah mengikut bidang kebitaraannya.

"Usaha ini mampu menjana momentum baru ke arah pembentukan persefahaman dan keharmonian dalam sistem pengurusan pendidikan sekolah kluster dan universiti.

"Ini tentu baik bagi mengembangkan proses transformasi yang mampu memberi impak positif kepada pendidikan negara," katanya.

Rangkaian Sekolah Kluster dengan Universiti Fasa 1

Sekolah	Universiti
Sekolah Sultan Alam Shah, Putrajaya	Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)
Kolej Islam Sultan Alam Shah, Klang	Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM)
Kolej Tunku Kurshiah, Seremban	Universiti Malaysia (UM)
Kolej Melayu Kuala Kangsar, Kuala Kangsar	Universiti Sains Malaysia (USM)
SM Sains Tengku Muhammad Faris Petra, Pengkalan Chepa	Universiti Malaysia Kelantan (UMK)
SMK Penang Free, Pulau Pinang	Universiti Sains Malaysia (USM-Kubang Kerian)
SMK (P) Sri Aman, Petaling Jaya	Universiti Teknologi MARA (UiTM-S/Alam)
	Universiti Malaysia (UM)
SMK Aminuddin Baki, Kuala Lumpur	Universiti Putra Malaysia (UPM)
SMK Sultanah Asma, Alor Setar	Universiti Utara Malaysia (UUM)
SMK Sultan Sulaiman, Kuala Terengganu	Universiti Malaysia Terengganu (UMT)
SMK Abdul Rahman Talib, Kuantan	Universiti Malaysia Pahang (UMP)
SMK Derma, Kangar	Universiti Teknologi MARA (UiTM-Arau)
	Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI)
	Universiti Malaysia Perlis (UniMAP)
SMK Gunung Rapat, Ipoh	Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI)
	Universiti Utara Malaysia (UUM)
SMK Victoria, Kuala Lumpur	Universiti Malaysia (UM)
SMK St. John, Kuala Lumpur	Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)
SMK Convent Bukit Nanas, Kuala Lumpur	Universiti Putra Malaysia (UPM)
	Universiti Teknologi MARA (UiTM-S/Alam)
SM Teknik Tawau, Tawau	Universiti Malaysia Sabah (UMS)
SM Teknik Tuanku Jaafar, Seremban	Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UteM)
SMK Agama Sheikh Abdul Malek, Kuala Terengganu	Universiti Darul Iman Malaysia (UDM)
SMK Agama Sharifah Rodziah, Melaka	Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)
SMK Agama Al-Mashoor (L), Pulau Pinang	Universiti Sains Malaysia (USM)
SK Zainab 2, Kota Bharu	Universiti Teknologi MARA (UiTM-Dungun)
	Universiti Sains Malaysia (USM-Kubang Kerian)
SK Sri Gaya, Kota Kinabalu	Universiti Teknologi MARA (UiTM-Sabah)
	Universiti Malaysia Sabah (UMS)
SK Infant Jesus Convent, Johor Bahru	Universiti Teknologi Malaysia (UTM)
SK Sultan Idris 2, Kuala Kangsar	Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI)
SK Pengkalan Tereh, Kluang	Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)
SK Ulu Lubai, Limbang	Universiti Putra Malaysia (UPM-Bintulu)
SJK (C) Keat Hwa, Alor Setar	Universiti Utara Malaysia (UUM)
SJK (T) Simpang Lima, Klang	Universiti Teknologi MARA (UiTM-S/Alam)
SK Pendidikan Khas Alma, Bukit Mertajam	Universiti Sains Malaysia (USM)

Rangkaian Sekolah Kluster dengan Universiti Fasa 2

Sekolah	Universiti
SJK Lick Hung, Subang Jaya	Universiti Malaya (UM)
SMK (L) Methodist, Kuala Lumpur	Universiti Malaya (UM)
SMK (P) St George, Pulau Pinang	Universiti Sains Malaysia (USM)
SK Puteri, Seremban	Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)
Sekolah Dato' Abdul Razak, Seremban,	Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)
	Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM)
	Universiti Putra Malaysia (UPM)
Sekolah Seri Puteri, Cyberjaya	Universiti Putra Malaysia (UPM)
SMK King George V, Seremban	Universiti Putra Malaysia (UPM)
SJKT Masai, Masai	Universiti Teknologi Malaysia (UTM)
Sekolah Tun Fatimah, Johor Bahru	Universiti Teknologi Malaysia (UTM)
	Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM)
SM Teknik Cheras, Bukit Jalil, Kuala Lumpur	Universiti Teknologi MARA (UiTM)-S/Alam)
Sekolah Sukan Bukit Jalil, Kuala Lumpur	Universiti Teknologi MARA (UiTM)-S/Alam)
Kolej Datu Patinggi Abang Haji Abdullah, Petrajaya, Kuching	(UiTM-Sarawak)
SK Setiawangsa, Kuala Lumpur	Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM)
SK Sultan Ahmad Tajuddin, Jitra	Universiti Utara Malaysia (UUM)
SMS Kuching, Kuching	Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS)
SMK Tinggi Kota Kinabalu, Kota Kinabalu	Universiti Malaysia Sabah (UMS)
SMK Desa Kencana, Lahad Datu	Universiti Malaysia Sabah (UMS)
SMJK Ave Maria Convent, Ipoh	Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI)
SMK Raja Permaisura Bainun, Ipoh	Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI)
SM Agama Persekutuan, Kajang	Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)
SMKA Sheikh Hj. Mohd Said, Seremban	Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)
SK Tg Ampuan Intan, Kuala Berang	Universiti Malaysia Terengganu (UMT)
SMK Tengku Mahmud, Besut	Universiti Malaysia Terengganu (UMT)
SMK Sultan Ismail, Johor Bahru	Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM)
SMS Muzaffar Syah, Ayer Keroh,	Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UteM)
SMK Tinggi Perempuan	Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UteM)
SK (P) Methodist, Kuantan	Universiti Malaysia Pahang (UMP)
SK Bandar 2, Paloh Hinai, Pekan	Universiti Malaysia Pahang (UMP)
SK Sena, Kangar	Universiti Malaysia Perlis (UniMAP)
SMK Dato' Ahmad Maher, Kota Bharu	Universiti Malaysia Kelantan (UMK)